

UPSI Tingkatkan Produktiviti Pertanian Melalui Teknologi

Tanjong Malim, 3 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melangkah setapak lagi ke arah pemodenan pendidikan pertanian menggunakan teknologi terkini seperti Internet of Things dan Teknologi AI.

Bagi meraikan kejayaan ini, UPSI melalui Pusat Pendidikan Teknologi Hijau (PPH) dan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (META) UPSI telah menganjurkan satu program menuai cili yang berjaya diadakan di Kolej Za'ba,

Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Program tersebut telah dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Suriani Abu Bakar diiringi Ketua dan Penyelaras PPH Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli menuai cili bersama warga UPSI yang turut hadir.

Prof. Dr. Suriani dalam ucapannya berkata "Kerjasama di antara PPH UPSI, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) dan Sekolah Rendah Seri Budiman (SRSB) akan memperkukuhkan Pendidikan Teknologi Hijau dan memanfaatkannya melalui kerjasama strategik yang mantap."

Turut hadir DEKAN META UPSI, Prof. Madya Dr. Ing Maizatul Hayati Mohamad Yatim, dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi META, Profesor Madya Dr. Suzani Mohamad Samuri.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Khatam Al-Quran, Iftar Ramadan PASB SITC/MPSI/IPSI/UPSI

Tanjong Malim, 2 April- Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran, Iftar dan Infaq Ramadan di Dewan Bankuet, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Antara alumni yang menghadiri majlis ini terdiri daripada alumni Sultan Idris Training College (SITC), alumni Maktab Pendidikan Sultan Idris (MPSI), alumni Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI), dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), merangkumi segenap peringkat 100 tahun sejarah

penubuhan universiti bertuah ini. Majlis yang penuh barakah ini dimulakan dengan Majlis Khatam Quran oleh alumni kemudian diikuti dengan ucapan daripada Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, serta sumbangan kepada anak-anak Baitul Mahabbah.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nasyid dan selawat oleh anak-anak Baitul Mahabbah. Turut hadir dalam majlis ini adalah Ahli Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Hj. Ahmad Hj. Burak yang menjadi tulang belakang dalam usaha memperkukuh keberlangsungan hubungan UPSI dan alumni.



Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana 1445H/2024 di UPSI

Tanjong Malim, 4 April- Ramadan adalah bulan barakah yang dilipat gandakan pahala amalan baik, antara aktiviti lazim bagi memeriahkan Ramadan adalah tadarus dan khatam Al-Quran. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana 1445H/2024 di Dewan Solat Utama,

Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) UPSI di bawah kelolaan Pusat Islam UPSI dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UPSI. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff bersama jawatan kuasa pengurusan universiti turut hadir mengikuti tadarus bersama warga UPSI.

Majlis dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, En Mohd Zin Azhari Ahmad Nuze dari Pusat Islam UPSI dan diikuti dengan pembahagian kumpulan mengikut juzuk Al-Quran, di mana para peserta diberi peluang untuk membaca bersama secara beramai-ramai.



Kunjungan Hormat Kelab Alumni Warga Emas Sekolah Dato' Abdul Razak (SDARA Seniors Club)

Tanjong Malim, 4 April- Kelab Alumni Warga Emas Sekolah Dato' Abdul Razak (SDARA Seniors Club) telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini di Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Pada kesempatan tersebut, mereka berpeluang bermesyuarat bersama

Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff. Dalam mesyuarat tersebut, mereka membincangkan pelbagai isu berkaitan dengan pembangunan pendidikan dan jalinan kerjasama di antara universiti dan alumni. Selain itu, kelab alumni juga diberikan penerangan mengenai perkembangan terkini di UPSI melalui

paparan gambar kenangan dan maklumat tentang bangunan bersejarah di universiti tersebut. Kunjungan ini merupakan salah satu inisiatif yang penting dalam mempereratkan hubungan antara alumni dengan universiti serta memupuk semangat kesetiaan dan sokongan terhadap institusi pendidikan.

Majlis Iftar dan Penyerahan Jersi Pasukan Futsal UPSI

Tanjong Malim, 2 April- Majlis Iftar dan penyerahan jersi Pasukan Futsal UPSI sesi 2024 telah berlangsung dengan meriahnya bertempat di Dewan Jauhar, Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Majlis ini bertujuan untuk memperkenalkan atlet-atlet futsal UPSI dalam masa yang sama memperkenalkan juga penaja yang menaja pasukan iaitu Extravaganza Futsal Shop (EFS).

Sepanjang penubuhan pasukan futsal UPSI,

beberapa pencapaian membanggakan telah dicapai oleh pasukan ini. Antaranya memegang gelaran juara Liga Premier dan mendapat tempat ketiga SUKIPT pada tahun 2022. Pada tahun 2023 pula, pasukan ini telah mendapat tempat ketiga dalam perlawanan Liga Super

IPT dan Liga Wanita IPT.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Norkhalid Salimin mengucapkan terima kasih kepada Extravaganza Futsal Shop (EFS) yang sangat hebat kerana sudi menaja jersi untuk pasukan futsal UPSI.



MPP UPSI Tingkat Kerjasama dengan Agensi Luar untuk Kesejahteraan Komuniti Muallim

Muallim, 29 Mac- Orang Besar Jajahan Muallim dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Majlis Perwakilan Pelajar telah menganjurkan sebuah program yang bernama Tautan Kasih Ramadan iaitu agihan bubur lambuk sebanyak 3000 pek di sekitar kawasan Slim River, Behrang dan Tanjong Malim. Program ini bertujuan adalah salah satunya

untuk meningkatkan lagi ukhwa di kalangan masyarakat setempat dengan OBJ dan MPP UPSI. Bukan itu sahaja, program ini juga melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi luar seperti ADUN Behrang,

Pejabat Parlimen Tanjong Malim, IPD Muallim, Majlis Daerah Tanjong Malim, Jabatan Kerja Raya Muallim, Pejabat Daerah & Tanah Muallim dan Pejabat Pentadbiran Agama Muallim, D'Tanjong, Eastnet, dan Kek Tapak Kuda Azra.

